

BAB LAPAN

KESIMPULAN DAN SARANAN

8.0 Pendahuluan

Sepertimana yang telah diuraikan bahawa matlamat asas kajian ini ialah meramal dan mengemukakan gangguan-gangguan pelajar dalam mempelajari bahasa asing, berdasarkan kaedah analisis kontrastif yang dicadangkan oleh Robert Lado dalam bukunya *Linguistic Across Cultures*.(1957).

Analisis kontrastif ini berpegang kepada tanggapan bahawa masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa asing adalah berpunca daripada perbezaan yang wujud di antara pola bahasa Ibunda dan bahasa sasaran. Dengan kata lain, perbezaan yang banyak di antara struktur kedua-dua bahasa akan lebih rumit masalah pembelajaran dan penguasaannya.

8.1 Kesimpulan

Berdasarkan teori analisis kontrastif di atas, maka dapat disimpulkan bahawa punca gangguan yang dialami oleh pelajar-pelajar adalah oleh kerana perbezaan pola dan struktur kedua-dua bahasa tersebut. Hasil daripada analisis yang bertaraf ramalan ini, adalah diharapkan ramalan dan penempatan masalah sedemikian akan dapat membantu semua pihak, khususnya pelajar dan pengajar-pengajar bahasa sasaran B2 dalam penyusunan dan penyediaan bahan-bahan pengajaran untuk penggunaan pelajar-pelajar bahasa kedua B2. Mungkin

masalah-masalah itu berkenaan dengan sebutan fonem-fonem, jenis kata, struktur kata, ayat dan sebagainya, kerana tidak dinafikan bahawa di antara kedua-dua bahasa tersebut terdapat persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang harus diketahui secara pasti seperti yang terdapat dalam kajian ini iaitu:

8.1.1 Huruf

Penulis telah mendapati bahawa perbezaan yang sangat serius yang harus diketahui oleh pelajar terlebih dahulu sebelum pelajar B1 mempelajari B2 ialah mengenal huruf bahasa kedua, iaitu BA dan sebutannya (*makhraj*). Kerana terdapat perbezaan-perbezaan sebutan huruf-huruf BA dan makhrajnya yang juga menentukan makna suatu perkataan, seperti perbezaan makna pada dua perkataan (سَد) *sadda* dan (صَد) *ṣadda*, (نَضْح) *naḍkhun* dan (نَضْح) *naḍhun*.

Perbezaan huruf *ṣīn* dan *ṣād* pada kedua-dua perkataan yang pertama, dan perbezaan *kha* dan *ḥa* pada kedua-dua perkataan yang kedua mengakibatkan perubahan makna dari segi konotasinya. Ciri sedemikian ini tidak terdapat dalam BM, Di samping mengetahui ciri-ciri di atas, perlu diketahui juga bahawa huruf-huruf BA memiliki sebutan yang kekal, kerana bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran yang dijamin kekekalannya oleh Allah. (Lihat bab 2 hal: 35).

8.1.2 Penggolongan Kata.

Dalam menghuraikan penggolongan kata kedua-dua bahasa BA dan BM, penulis mendapati bahawa jumlah kata nama dalam BA lebih banyak berbanding BM, dan dalam penggolongannya juga terdapat beberapa kata nama BA yang tidak terdapat dalam BM, seperti *ism fi'l maḍī*, *ism fi'l muḍārī*, *ism fi'l amr*, *taṣghīr*, *nasab*, *maṣdar ṣinā'īy*, *ism zamān*. Apabila penulis melakukan perbandingan bagi mengetahui persamaan dan perbezaannya terhadap perkataan-perkataan tersebut, penulis melakukan pendekatan makna secara khusus, kerana sebetulnya perkataan-perkataan tersebut terdapat dalam BM, walaupun pola dan strukturnya berbeza kerana perbezaan rumpun bahasa.

8.1.3 Huruf-huruf Imbuan.

Dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat huruf-huruf imbuan, dan huruf-huruf tersebut sangat berperanan dalam menentukan jenis perkataan dan maknanya, walaupun teorinya berbeza seperti jenis-jenis perkataan yang berikut ini:

a-Kelamin kata.

Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat kelamin kata. Dalam menentukan jenis perkataan BA, baik maskulin (*mudhakkar*) atau feminin (*mu'nnath*) dengan melihat huruf akhir perkataan, jika ada *tā'* marbutahnya

maka ia digolongkan kata feminin (*mu'nnath*), dan jika tidak, maka ia digolongkan maskulin (*mudhakkar*), kecuali perkataan-perkataan yang sudah menjadi nama khas bagi wanita seperti Umm Kulthūm, Zaynab, Umm Ayman yang tidak mengandung *tā' marbūṭat*. Di samping itu, terdapat jenis perkataan-perkataan feminin dalam BA yang menggunakan ciri *alif ta'nith maqṣūrat* dan *mamdūdat*. Jenis-jenis perkataan feminin dalam BA yang menggunakan ciri-ciri di atas tidak terbatas pada nama-nama manusia sahaja bahkan mencakupi semua jenis perkataan lainnya, sama ada manusia, haiwan ataupun benda-bendaan. Manakala dalam BM perkataan-perkataan yang menunjukkan feminin tidak menggunakan ciri-ciri huruf seperti dalam BA, tetapi berupa perkataan lain selepasnya yang menunjukkan feminin sebagai sifatnya, seperti *orang perempuan, anak perempuan, pekerja perempuan, guru perempuan*, dan lain sebagainya. Begitu juga jenis haiwan seperti *kambing betina, ayam betina, lembu betina* dan sebagainya, dan dari benda-bendaan seperti *embun betina, pokok betina, garam betina* dan lain sebagainya, walaupun terdapat beberapa perkataan BM yang menunjukkan feminin seperti *ibu, mak cik, kakak, nenek, datin, puan, sultanah* (dari BA) dan lainnya. tetapi jumlahnya sangat sedikit.

b- Tathniyat dan Jamak.

Dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat bentuk mufrad dan jamak, walaupun pola pembentukan jamak dalam kedua-dua bahasa itu berbeza. Jamak dalam BA menambah dua huruf *waw* dan *nūn* atau *yā'* dan *nūn* di akhir perkataan bagi *jamak mudhakkar sālim* dan *alif* dan *tā'* di akhir perkataan bagi

jamak mu'nnath sālīm, dan berupa perubahan struktur perkataan bagi *jamak taksīr*. Pola sedemikian ini tidak terdapat dalam BM kerana pola jamak BM dengan cara mengulang-ulang penyebutan atau penulisannya. Dalam BM tidak terdapat pola tathniyat seperti BA, tetapi yang mendekati pola tathniyat dalam BM ialah pola *penjodo bilangan*, seperti *dua orang, dua buah rumah, dua bersaudara dan sebagainya*. Dari segi semantik jika perkataan itu merujuk kepada makna satu maka dikenali sebagai *kata mufrad* dalam kedua-dua bahasa BA dan BM, dan jika mengandungi makna lebih daripada satu dikenali sebagai kata jamak dalam BM, dan tidak digolongkan kata jamak dalam BA, kecuali jika maknanya melebihi daripada dua baharu ia digolongkan perkataan jamak, dan perkataan jamak dalam BA hanya dari jenis kata nama sahaja.

c-Mimitan (*Taṣghīr*)

Salah satu kata nama yang berimbunan dalam BA ialah bentuk *taṣghīr*, iaitu bentuk kata nama yang mengandungi makna kecil, dengan mengikut syarat dan pola-pola tertentu yang telah ditetapkan oleh ahli morfologi BA. Pola sedemikian ini tidak terdapat dalam BM, kerana perkataan BM tidak mengikut acuan *wazan*. Namun jika diteliti secara cermat makna tersebut terdapat dalam BM melalui pendekatan kata sifat, seperti : *rumah kecil, masjid kecil, guru kecil* dan sebagainya, kerana makna perkataan tersebut terdapat dalam bentuk *taṣghīr*nya dalam BA iaitu : *بَيْتٌ، مَسْجِدٌ، مَدْرَسَةٌ* (rumah kecil, masjid kecil, guru kecil), hanya perbezaannya ialah berlainan pola pembentukannya.

d-KN *Mansūb*

Dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat perkataan yang dikenali sebagai perkataan *mansūb* (relation) walaupun BM tidak mengistilahkannya, tetapi perkataan tersebut telah dituturkan oleh BM, tetapi cara pembentukan dan polanya berbeza. Dalam BA bentuk *nasab* adalah perkataan-perkataan yang mengandungi huruf *yā' musyaddadaṭ* (*yā'* bersabdu) yang sebelumnya dibaca kasraṭ (baris bawah), yang menunjukkan makna golongan, aliran, atau ideologi, manakala pola nasab dalam BM menurut Nik Safiah Karim (1977) melalui pola imbuhan sama ada *isme* seperti *sosialisme*, *kapitalisme*, *nasionalisme* dan lainnya, atau tambahan *an* di akhir perkataan seperti *Malaysian*, *Indonesian*, *Polandian*. Atau dengan menambah perkataan selepasnya sebagai sifat, seperti *orang malaysia*, *orang Indonesia*, *orang Kedah*, *orang Kelantan* dan sebagainya.

e-*Maṣdar Ṣinā'iy*

Maṣdar ṣinā'iy adalah salah satu jenis perkataan BA yang berimbuhan, iaitu perkataan-perkataan yang terdapat imbuhan *yā' nisbah* yang mengandungi makna kesempurnaan, dan mengikut pola-pola yang telah ditetapkan oleh ahli morfologi seperti pada contoh-contoh yang telah dikemukakan. Jenis pola sedemikian ini tidak terdapat dalam BM. Tetapi jika diteliti secara cermat mungkin persamaannya dalam BM ialah pada perkataan-perkataan yang terdapat akhiran *an* yang mengandungi makna kesempurnaan seperti contoh-contoh yang telah dikemukakan.

f- KN Jati (*Jāmid*) dan Terbitan (*Musytāq*)

Dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat perkataan yang dikenali sebagai jati (*jāmid*). Dalam BA KN jati adalah perkataan-perkataan yang tidak dapat ditaşrif (feksi), dan dalam BM KN jati adalah perkataan-perkataan yang tidak menerima jenis fonem-fonem imbuhan, dan terbitan (*masytāq*), manakala dalam BA adalah perkataan-perkataan yang diterbitkan dari perkataan yang lain, atau dalam kata lain perkataan-perkataan yang dapat di *taşrif*kan (feksi), manakala *musytāq* (terbitan) dalam BM adalah perkataan-perkataan yang menerima fonem-fonem tambahan, sama ada awalan, akhiran ataupun apitan. Jadi, pembentukan perkataan *musytāq* (terbitan) dalam kedua-dua bahasa BA dan BM tidak sama. Ini kerana terdapat perbezaan sistem dan pola kedua-dua bahasa BA dan BM.

8.2 Saranan dan Harapan

Kajian ini mencakupi sebahagian besar kata nama yang terdapat dalam BA dan persamaannya dalam BM melalui pendekatan morfologi, terutamanya kata-kata nama yang dijadikan sebagai istilah atau bab dalam buku rujukan morfologi BA yang muktabar. Masih terdapat banyak kata-kata nama BA dan BM dalam beberapa bahagian atau bidang yang lain yang tidak dibincangkan dan diperbandingkan dalam kajian ini, seperti kata nama yang berkaitan dengan bidang sains kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi dan lain-lainnya. Kerana kajian ini merupakan kajian morfologi yang melibatkan kata nama kedua-dua bahasa BA dan BM, yang seharusnya disusuli oleh kajian-kajian

yang lain untuk melengkapkan kekosongan dalam bidang kata nama yang sangat produktif dan berperanan aktif dalam penuturan dan penulisan kedua-dua bahasa BA dan BM. Mudah-mudahan hasil kajian ini akan menjadi bahan utama bagi melengkapkan seluruh gambaran yang berkaitan dengan kata nama kedua-dua bahasa BA dan BM yang akan memberi manfaat kepada pelajar, pentrjemah, pengajar penggemar kedua-dua bahasa BA dan BM.

Akhirnya kajian ini diharap akan dapat membuka semangat baru bagi orang Islam dan bangsa Melayu khususnya, dalam memahami teori dan selok belok perkataan bahasa Arab yang otomatis agar kita dapat memahami bahasa al-Quran yang berfungsi sebagai sumber asas kehidupan manusia sejagat, yang mudah-mudahan akhirnya akan membawa kita semua mendapat keredhaan Allah. (s.w.t). Amin.